

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Varian Delta sukarkan capai imuniti kelompok

Pakar perubatan akui berdepan kesukaran jika tak capai 80 peratus populasi divaksin

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Redzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pakar perubatan mengakui usaha negara mendapatkan imuniti kelompok akan berdepan kesukaran berikutan varian Delta yang berada pada tahap membimbangkan ketika ini.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata ia berdasarkan kajian dibuat pakar dari luar, namun jika negara berjaya mencapai imuniti kelompok membolehkan 80 peratus populasi, bermakna jumlah mereka yang membawa varian Delta akan berkurang.

"Selain itu, mereka yang su-


dah lengkap vaksinasi dan apabila membawa virus itu kepada mereka yang juga sudah divaksin, kesannya tidak akan teruk. Ia nanti hanya akan menjadi seperti selesema biasa kerana kita sudah biasa dengan virus itu," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, dilaporkan kajian baharu mengenai varian Delta mendapati varian dominan berkenaan boleh membiak dalam hidung individu yang sudah mendapat vaksin, sama seperti individu tidak divaksinasi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata kajian awal terhadap satu kes jangkitan mendapati varian Delta membiak dalam hidung orang yang sudah divaksinasi, seolah-olah individu berkenaan belum mendapatkan vaksin.

Dr Sharifa Ezat berkata, apabila negara sudah mencapai tahap imuniti kelompok, kemungkinan masyarakat tidak perlu lagi takut kepada varian Delta kerana virus sudah berada di luar.

"Ini kemungkinannya kerana kita sudah boleh hidup dengan virus itu, malah sudah imun terhadap semua virus COVID-19



termasuk Delta," katanya menambah, penyebaran varian Delta amat membimbangkan kerana ia mudah berjangkit, selain sukar dikesan.

Beliau berkata, selain melakukan ujian tambahan untuk mengesan varian itu yang memabutkan kos tinggi, seseorang yang dijangkiti varian Delta juga lambat untuk sembuh dan perlu menjalani kuarantin antara 14 hingga 21 hari, berban-

ding hanya kira-kira 10 hari jika dijangkiti virus COVID-19 biasa.

"Ketika ini agak sukar untuk tahu seseorang itu dijangkiti varian Delta kerana ujian calitan memang tidak dapat mengesannya.

"Varian Delta boleh dianggap ganas kerana ia mudah menjangkiti orang lain, terutama mereka yang belum divaksin, sudah divaksin atau berisiko tinggi

seperti warga emas dan kanak-kanak," katanya.

Justeru, katanya, walaupun sudah lengkap dua dos vaksin, penerimanya masih perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) terutama memakai pelitup muka tambahan, kekal berada di rumah jika tiada keperluan keluar kerana dibimbangi menjangkiti golongan berisiko seperti kanak-kanak yang belum menerima vaksin.

Kes baharu sedikit menurun Beri 469,690 lagi dos vaksin

Putrajaya: Jangkitan baharu COVID-19 menunjukkan sedikit penurunan semalam apabila sebanyak 19,807 kes dilaporkan berbanding 22,262 kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini meningkat kepada 1,555,093 kes. Katanya, semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan Selangor kekal negeri tertinggi melaporkan jangkitan baharu iaitu sejumlah 5,379 kes, diikuti Sabah (2,638), Kedah (1,948), Sarawak (1,772), Johor (1,391), Pulau Pinang (1,501) dan Kelantan (1,196).

Beliau berkata, Kuala Lumpur merekodkan 999 kes, Perak (703), Pahang (598), Melaka (558), Terengganu (534), Negeri Sembil-

an (508), Perlis (54), Putrajaya (24) dan Labuan (4).

"Hingga kini sebanyak 262,255 kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 di negara ini, iaitu 1,026 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 496 orang memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, daripada jumlah kes baharu semalam, 19,464 kes atau 98.3 peratus adalah mereka dalam kategori 1 dan 2, iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan, manakala 343 kes atau 1.7 peratus dalam kategori 3 hingga 5, iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen atau berada dalam keadaan kritikal.

"Secara keseluruhannya,

16,368 kes atau 82.6 peratus daripada jumlah jangkitan yang dilaporkan hari ini (semalam) adalah mereka yang tiada atau belum lengkap vaksinasi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, daripada 232 kematian dilaporkan, 43 memabutkan kematian di luar fasiliti kesihatan (BID), iaitu 32 warganegara serta 11 warga asing.

Katanya, jumlah kluster terdapat sedikit penurunan semalam dengan 24 kluster baharu dikesan memabutkan 12 di tempat kerja, komuniti (11) dan kumpulan berisiko tinggi (1).

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 18,200 kes sembuh dilaporkan yang menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih daripada COVID-19 ialah 1,278,670 kes.

Kuala Lumpur: Sebanyak 469,690 dos vaksin diberikan kelmarin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di seluruh negara, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 30,840,093 dos.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) dalam kenyataan semalam, memaklumkan setakat jam 11.59 malam kelmarin, sebanyak 159,792 menerima suntikan dos pertama dan 309,898 menerima dos kedua.

Peraturan vaksinasi terkini populasi dewasa di negara ini juga terus mencatatkan peningkatan dengan 77.4 peratus individu atau 18,121,392 sudah menerima dos pertama, manakala 54.3 peratus atau

12,718,701 lengkap dua dos vaksin COVID-19.

Labuan mencatatkan peratusan vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa tertinggi mengikut negeri iaitu 90.6 peratus, diikuti Sarawak 84.1 peratus dan Lembah Klang 81.3 peratus.

Selangor mencatatkan kadar vaksinasi harian tertinggi kelmarin dengan 96,884 bagi dos kedua dan 14,745 untuk dos pertama, diikuti Kuala Lumpur dengan 55,706 dos kedua dan 17,482 dos pertama.

Malaysia kini berada dalam Fasa 3 PICK yang dilancarkan pada 24 Februari lalu memabutkan pemberian vaksin kepada 13.7 juta penduduk berusia 18 tahun ke atas serta kalangan warga asing yang berada di negara ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

'Geofencing' penting pantau pesakit di rumah

Aplikasi dapat kesan individu tak patuh SOP

Oleh Irah Hafiz Aziz dan Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan aplikasi 'geofencing' untuk memantau pergerakan pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2 yang menjalani kuarantin di rumah, dilihat sebagai inisiatif yang sangat diperlukan ketika ini.

Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiyah Minhat, berkata ini berikutan kes COVID-19 semakin meningkat, manakala prosedur operasi standard (SOP) semakin dilonggarkan berikutan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Katanya, ia sekali gus menyebabkan kebarangkalian ketidakpatuhan segelintir pesakit yang boleh menyebabkan penularan

wabak COVID-19, terutama mereka yang belum menerima suntikan lengkap.

"Saya melihat usaha ini perancangan sangat teratur dan lebih bersasar dengan pemantauan pesakit kategori 1 dan 2 selama 24 jam sehari untuk tempoh 10 hari. Malah, balai polis berhampiran akan mendapat peringatan untuk melawat individu ini jika dikesan membutuhkan aplikasi atau telefon bimbit mereka," katanya kepada BH, semalam.

"Peralihan pesakit kategori 1 dan 2 kepada kategori 3, 4 dan 5, kebanyakannya membabitkan mereka yang belum disuntik vaksin dan ada komorbiditi. Kewujudan aplikasi ini secara langsung dapat memacukan lagi usaha saringan peralihan pesakit berisiko dari kategori 1 dan 2 kepada 3, 4 dan 5," katanya kepada BH, semalam.

Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STV) memperkenalkan aplikasi berkenaan bermula semalam melalui projek rintis yang mewajibkan pesakit kuarantin di rumah memuat naik aplikasi berkenaan di telefon bimbit dan keberadaan mereka

sepanjang tempoh itu akan dipantau pihak berkuasa.

Pihak berkuasa akan mengambil langkah segera, termasuk tindakan undang-undang sekiranya pesakit didapati keluar dari rumah atau melebihi radius yang sudah ditetapkan. Tujuan utama aplikasi itu adalah bagi mengurangkan penularan dalam komuniti yang biasanya terjadi akibat sikap tidak bertanggungjawab pesakit COVID-19.

Aplikasi 'geofencing' yang belum mempunyai nama itu berbeza dengan MySejahtera kerana ia mempunyai fungsi dan tujuan berbeza. Di MySejahtera, alamat yang dimasukkan adakalanya bukan di lokasi pesakit menjalani kuarantin.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Aisah Mokhtar menyifatkan aplikasi itu sebagai inisiatif terbaik, malah ia yang menggunakan sistem pengesanan

global (GPS) sudah digunakan di beberapa negara untuk memantau pesakit atau kontak rapat pesakit COVID-19 yang kuarantin di rumah.

"Mungkin lebih baik jika sistem ini dapat diselaraskan dengan sistem sedia ada bagi memudahkan pemantauan pesakit kategori 1 dan 2, seterusnya pengurusan dan pemantauan pesakit COVID-19 di rumah lebih tersusun," katanya.

Katanya lagi, beberapa aspek perlu diperhalusi dalam penggunaan aplikasi itu termasuk arahan jelas kepada pesakit, bila dan bagaimana mereka perlu memuat naik dan menggunakannya kerana ia tidak menggunakan platform sama dengan aplikasi MySejahtera.

"Ia bagi mengelak kekeliruan pesakit kerana mereka perlu memuat naik dan guna beberapa aplikasi berbeza sepanjang tempoh kuarantin. Selain itu, pemantauan pergerakan pesakit juga per-



Halimatus Sakdiyah Minhat



Keratan akhbar BH semalam.

lu rapi dan teliti bagi memastikan objektif utama penggunaan aplikasi itu tercapai.

"Dalam aspek ini, perlu ada jawatankuasa memantau penggunaan aplikasi berkenaan pada peringkat lapangan, membolehkan pengesanan segera individu dikuarantin yang melanggar peraturan. Oleh kerana aplikasi ini berbeza daripada platform sedia ada, perlu juga ada mekanisme supaya setiap aplikasi ini berintegrasi antara satu sama lain.

"Sebagai contoh, jika keadaan pesakit kategori 1 dan 2 bertukar kepada kategori 3 dan 4, maklumat ini perlu dikemas kini pada aplikasi ini supaya pesakit tidak dikira melanggar kuarantin, sebaliknya ia adalah pergerakan mereka ke hospital untuk mendapatkan rawatan selanjutnya," katanya.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Sawal Hamid Md Ali menjelaskan, aplikasi 'geofencing' menggunakan pengesanan GPS untuk mengesan koordinat pengguna dan ia akan disimpan serta dihantar ke pangkalan data atau 'awan'.

PPV SNBJ tak lagi terima 'walk-in' bukan warganegara

Dari Muka 1

PPV menyediakan vaksinasi secara 'walk-in' bermula hari ini adalah Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) HCO F, HCO G dan HCO H; Pusat Konvensyen Bangi Avenue (BACC); Axiata Arena Bukit Jalil; Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) di Shah Alam dan Hotel Wyndham di Klang.

Selain itu, PPV Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Dewan Seri Bernam di Sabak Bernam, Stadium Tertutup Kuala Selangor dan Dewan Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Bermula Rabu pula, PPV Le Pavilion Gamuda Garden di Gombak dan Bukit Beruntung Golf Resort, manakala bermula Khamis di PPV Galaxy Mall Ampang serta Universiti Multimedia, Cyberjaya.

"Kaedah 'walk-in' adalah berdasarkan 'first-come-first-serve'

(siapa cepat dapat) bergantung kapasiti bekalan di PPV berkenaan.

Individu 'walk-in' akan diletakkan di bawah satu senarai untuk diminta hadir semula pada kesokannya sekiranya bekalan vaksin pada hari itu sudah habis digunakan," katanya.

Bagi warga asing di Lembah Klang, CITF memaklumkan, kaedah 'walk-in' untuk mereka di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil (PPV SNBJ) dilaksanakan hingga semalam sahaja dan akan diganti dengan kaedah janji temu.

"Ini bermakna, PPV SNBJ tidak lagi menerima 'walk-in' bukan warganegara bermula esok (hari ini). Langkah ini diambil supaya proses vaksinasi warga asing yang menyaksikan sambutan amat baik selama tempoh ia dilaksanakan dapat berjalan dalam keadaan yang lebih selamat dan selesa," katanya.

CITF mengingatkan, setiap warganegara dan warga asing

yang ke PPV mengikut janji temu, perlu membuktikan mereka pemastautin di Lembah Klang dengan membawa surat atau dokumen berkenaan seperti kad kerja, bil utiliti atau sebarang dokumen lain yang berkaitan.

Katanya, kaedah berkenaan hanya untuk penduduk Lembah Klang, manakala bagi penduduk negeri lain, program vaksinasi secara 'walk-in' tetap diteruskan seperti biasa dan bergantung kepada negeri masing-masing.

Dalam pada itu, individu yang terlepas suntikan dos kedua boleh ke mana-mana PPV yang disenaraikan berhampiran kediaman dan jika PPV berkenaan tidak menawarkan vaksin daripada jenis sama dengan dos pertama, mereka akan dirujuk ke PPV lain.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penutupan beberapa PPV di Lembah Klang secara berperingkat adalah kerana kawasan berkenaan

ProtectHealth melalui pengamal perubatan swasta sudah menjalankan tugas dengan cemerlang dalam membantu kerajaan mencapai sasaran vaksinasi di Selangor dan Lembah Klang. Berikutan itu, kita akan menutup PPV ini beransur-ansur



Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

sudah menghampiri sasaran vaksinasi ditetapkan kerajaan serta Kementerian Kesihatan (KKM).

"ProtectHealth melalui pengamal perubatan swasta sudah menjalankan tugas dengan cemerlang dalam membantu kerajaan mencapai sasaran vaksinasi di Selangor dan Lembah Klang. Berikutan itu, kita akan menutup PPV ini secara beransur-ansur.

"Pengamal perubatan swasta akan mempersiapkan keperluan vaksin COVID-19 pada masa depan seperti memberikan suntikan vaksin kepada pendaftar baharu MySejahtera yang layak, individu berusia 12 hingga 17 tahun serta suntikan pengalakan vaksin COVID-19," katanya menerusi Twitter.

Sehingga kelmarin, 107.7 peratus 6,641,887 individu dalam populasi dewasa di Lembah Klang sudah menerima sekurang-kurangnya dos pertama, manakala 81.3 peratus atau 5,014,230 pula lengkap dos pertama dan kedua.

Terkini COVID-19 18,200

Pullih, dibenarkan keluar hospital, semalam

19,807 Kes baharu disahkan, semalam

14,168 Jumlah kematian dicatat

1,555,093 Jumlah kes disahkan positif

262,255 kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

mRNA terbukti selamat

Kuala Lumpur

Dakwaan vaksin yang dicipta dengan menggunakan teknologi Messenger Asid Ribonukleik (mRNA) boleh menjadi penyebab kematian adalah tidak berasas dan tidak benar.

Pakar Virologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar berkata, vaksin mRNA terbukti selamat dan sudah digunakan secara meluas kepada lebih 300 juta

Dakwaan sebabkan kematian tak berasas, diguna 300j penduduk seluruh dunia

penduduk di seluruh dunia dalam usaha menangani Covid-19.

Dr Sazaly turut meminta orang ramai supaya tidak terpedaya dengan mana-mana sumber yang mengelirukan sebaliknya perlu memahami konsep mRNA berfungsi dalam sel badan manusia.

"Apabila vaksin yang di-

buat daripada mRNA ini disuntik pada lengan, ia akan kekal di situ dan diterjemahkan kepada protein.

"Protein itu akan dikenali dan merangsang sel imun bagi melindungi

badan kita daripada penyakit.

"Jadi, kod mRNA asal akan musnah dengan sendirinya apabila ia sudah diterjemahkan," katanya kepada Harian Metro. Beliau berkata, vaksin Covid-19 juga tidak

akan disuntik menerusi saluran darah sebaliknya hanya pada otot lengan.

"Proses suntikan berlaku dengan memasukkan jarum pada lengan dan tarik dulu sebelum suntik semula.

"Kaedah ini bagi memastikan vaksin disuntik ke dalam otot lengan saja bukan saluran darah.

"Jika semasa jarum ditarik

ada darah, maka proses suntikan tidak akan diteruskan di tempat yang sama," katanya.

Kelebelakangan ini, segelintir pihak mendakwa vaksin buatan mRNA tidak selamat kerana memberi kesan sampingan yang boleh membawa maut termasuk serangan jantung, lumpuh dan keradangan salur darah.

Kod mRNA asal akan musnah dengan sendirinya apabila ia sudah diterjemahkan



PENJUAL pakatan mula beroperasi di Pasar Pagi Taman Medan, Kuala Lumpur, semalam selepas kerajaan membenarkan kemudahan tambahan sektor ekonomi bagi individu yang sudah menerima vaksinasi lengkap diperluaskan antaranya aktiviti pasar pagi yang dibenarkan dibuka di negeri Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN). - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

MMA gesa CITF guna khidmat 8,000 doktor

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) menjalin kerjasama dengan kira-kira 8,000 pengamal perubatan swasta (GP) di seluruh negara bagi memastikan usaha negara mencapai imuniti kelompok dapat direalisasikan dengan lebih cepat.

Presidennya, Prof Datuk Dr M Subramaniam berkata, langkah itu penting memandangkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) menunjukkan peningkatan memberangsangkan dengan 50 peratus daripada populasi

sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

"Pusat pemberian vaksin (PPV) berskala mega amat menyumbang bagi mempertingkatkan kadar vaksinasi.

"Bagaimanapun, dalam keadaan sekarang, CITF sewajarnya menghentikan PPV mega dan membenarkan pengamal perubatan swasta terbahit dalam fasa akhir Pick.

"Pada masa sama, ia membolehkan kerajaan memperkukuh perkhidmatan di fasiliti kesihatan awam," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Golongan berisiko digesa segera daftar

Kota Bharu: Golongan berisiko seperti warga emas, individu berpenyakit kronik, wanita hamil dan menyusui boleh membuat pendaftaran untuk mendapatkan vaksin dengan secepat mungkin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, pendaftaran boleh dibuat dan mereka akan diberikan tarikh untuk dapatkan vaksin di pusat pemberian vaksin (PPV) berdekatan.

Katanya, pendaftaran perlu dibuat untuk mengelakkan kesesakan di PPV dan

memastikan jumlah vaksin mencukupi.

"Kita membuka peluang kepada wanita hamil, ibu menyusui, individu yang berusia 40 tahun ke atas, mereka yang ada komorbiditi seperti penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang dan lain-lain untuk mendapatkan vaksin awal.

"Mereka ini boleh mendaftar di talian hotline 09-7743099 atau 09-7742099 dan imbas kod JKNK sebelum diberi tarikh segera untuk divaksinasi di PPV berdekatan mereka," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Kes turun, 232 maut

Bilangan jangkitan Covid-19 kumulatif cecah angka 1,555,093

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penularan jangkitan Covid-19 dalam negara, semalam menunjukkan penurunan apabila merekodkan sebanyak 19,807 kes berbanding 22,262 kes, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaru itu men-

jadikan jumlah kumulatif kes adalah sebanyak 1,555,093 kes.

Beliau berkata, daripada keseluruhan kes itu, penularan tempatan adalah sebanyak 19,802 kes membatikan 16,341 warganegara dan 3,461 bukan warganegara manakala baki lima lagi adalah kes import dalam kalangan warga asing.

"Secara keseluruhan, sebanyak 16,368 kes (82.6 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini (semalam), tiada atau

tidak lengkap vaksinasi.

"Setakat ini, terdapat 1,026 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 496 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai perincian kes, Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal merekodkan kes tertinggi iaitu 5,379 kes, diikuti Sabah (2,638), Kedah (1,948), Sarawak (1,772), Pulau Pinang (1,501), Johor (1,391) dan Kelantan (1,196).

"Sementara itu, sebanyak

999 kes direkodkan di Kuala Lumpur, Perak (703), Pahang (598), Melaka (558), Terengganu (534), Negeri Sembilan (508), Perlis (54), Putrajaya (24) dan Labuan (4)," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 232 kes kematian dilaporkan semalam membatikan 201 warganegara dan bukan warganegara (31).

Dalam pada itu, beliau memaklumkan sebanyak 18,200 kes sembuh daripada jangkitan Covid-19 dilaporkan, semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Angka kematian Covid-19 lepassi 14,000

PUTRAJAYA – Angka kematian Covid-19 kini merekodkan jumlah keseluruhan sebanyak 14,168 kes dengan penambahan sebanyak 232 kes kematian baharu melibatkan seramai 201 warga Malaysia dan 31 lagi warga asing semalam.

Daripada jumlah tersebut, 43 kes dilaporkan meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) serta 189 kes dengan sejarah penyakit.

Kes harian negara turut mencatatkan penurunan berbanding kelmarin iaitu 19,807 kes menjadikan jumlah kes kumulatif positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 1,555,093 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu semalam, sebanyak 16,368 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

“Sebanyak 343 kes adalah daripada kategori tiga, empat dan lima, manakala sebanyak 19,464 kes lagi daripada kategori satu dan dua,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata, sebanyak 104 kes kategori lima dilaporkan dengan 98 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi, manakala sebanyak 68 kes kategori empat dengan



LEBIH 80 peratus daripada 19,807 jangkitan baharu yang dicatatkan semalam didapati tiada atau tidak lengkap vaksinasi. – GAMBAR HIASAN.

61 daripadanya tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

“Sebanyak 171 kes kategori tiga dengan 153 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi sementara 9,624 kes kategori dua dengan 8,000 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Bagi 9,840 kes kategori satu, seban-

yak 8,056 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi,” jelasnya.

Dr. Noor Hisham berkata, terdapat 24 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 12 kluster tempat kerja dengan 301 kes serta 11 kluster komuniti yang merekodkan sebanyak 334 kes.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	19,807
Import:	5
Tempatan:	19,802
Pulih	18,200
Kematian	232
Masih dirawat	262,255
Jumlah kes sembuh	1,278,670
Jumlah Kematian	14,168
Jumlah kes keseluruhan	1,555,093

Dalam pada itu, beliau berkata, nilai RT Malaysia pada kelmarin sebanyak 1.04 dengan negeri yang mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Perlis dan Sarawak (masing-masing nilai RT1.31), diikuti oleh Sabah (nilai RT 1.22) dan Pulau Pinang (nilai RT 1.16). “Semua negeri mencatatkan nilai RT melebihi 1.0 kecuali Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan dan Negeri Sembilan,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 11
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes positif baharu menurun sedikit

Catat 19,807 kes dengan Selangor kekal mencatatkan jumlah tertinggi

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD PUTRAJAYA

Kes harian Covid-19 dalam negara pada Ahad merekodkan sebanyak 19,807 kes, menurun sedikit berbanding 22,262 kes hari sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaru itu menjadikan jumlah kumulatif kes meningkat kepada 1,555,093 kes.

"Selangor terus menjadi negeri yang merekodkan jangkitan baharu tertinggi dengan 5,379 kes," katanya melalui laman Twitternya pada Ahad.

Selain Selangor, negeri lain yang turut merekodkan kes jangkitan tinggi ialah Sabah dengan 2,638 kes diikuti Kedah

(1,948), Sarawak (1,772), Pulau Pinang (1,501), Johor (1,391) dan Kelantan (1,196).

Selain itu, sebanyak 999 kes direkodkan di Kuala Lumpur, Perak (703), Pahang (598), Melaka (558), Terengganu (534), Negeri Sembilan (508), Perlis (54), Putrajaya (24), dan Labuan (empat).

Sementara itu, Dr Noor Hisham menerusi kenyataannya memaklumkan seramai 1,026 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 496 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan.

Beliau turut memaklumkan kes sembuh mencatatkan sebanyak 18,200 kes menjadikan kumulatif kes sembuh terkini adalah 1,278,670 manakala kes aktif kini 262,255.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 19,807 kes baharu

pada Sabtu, sebanyak 343 kes atau 1.7 peratus adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 19,464 kes lagi terdiri daripada kategori satu dan dua.

Katanya, secara keseluruhan



DR NOOR HISHAM

16,368 kes atau 82.6 peratus daripada jumlah kes dilaporkan itu fiada atau tidak lengkap vaksinasi.

"Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," katanya.

Mengenai kes kematian baharu, beliau berkata, sebanyak 232 kematian dilaporkan melibatkan 201 warganegara dan 31 bukan warga-negara dengan 43 kes diklasifikasikan sebagai kematian di luar hospital atau brought in dead (BID).

Mengenai 24 kluster baharu yang dikesan Kementerian Kesihatan, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 12 daripadanya melibatkan tempat kerja, 11 komuniti dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi.

Berdasarkan data terkini, nilai kebolehjangkitan atau R-Naught (Rt) Malaysia pada Sabtu adalah sebanyak 1.04 dengan negeri yang mencatatkan nilai Rt tertinggi adalah Perlis dan Sarawak iaitu masing-masing 1.31 diikuti Sabah (1.22) dan Pulau Pinang (1.16).

Hadiri pengebumian pencetus kluster komuniti

KUCHING - Tiga lagi kluster komuniti baharu diisytiharkan di Sarawak pada Ahad masing-masing di kawasan Serian, Tatau dan Kuching, menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak.

JPBN Sarawak memaklumkan, Kluster Kampung Lintang Baru di Serian melibatkan penduduk di kampung terbabit dengan seramai 62 individu didapati positif Covid-19 termasuk kes indeks, hasil saringan ke atas 92 individu.

"Kluster Sungai Penyarai 2 di Tatau pula melibatkan penduduk di sebuah rumah

panjang yang mempunyai sejarah menghadiri upacara pengebumian di sebuah rumah panjang lain yang telah diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dengan 57 individu didapati positif Covid-19 termasuk kes indeks setakat ini," menurut JPBN Sarawak dalam kenyataan pada Ahad.

Sementara itu, Kluster Kampung Matang Lot di Kuching melibatkan sejumlah penduduk di kampung berkenaan dengan seramai 21 individu didapati positif Covid-19 termasuk kes indeks hasil saringan ke atas 10 individu. - Bernama

Tambahan enam juta dos vaksin bukti komitmen, prihatin PM

SHAH ALAM - Tambahan pembelian enam juta dos vaksin yang diumumkan Perdana menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Ahad adalah bukti komitmen dan keprihatinan berterusan untuk mencari jalan keluar daripada pandemik Covid-19.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Mohd Shafiq Abdullah berkata, usaha yang dilakukan itu


adalah demi kesejahteraan rakyat negara ini.

"KKM sambut baik pengumuman Perdana Menteri untuk menambah pembelian enam juta dos vaksin lagi.

"Tambahan pembelian ini membuktikan komitmen dan keprihatinan berterusan Perdana Menteri dalam memastikan kerajaan mencari jalan keluar melawan pandemik Covid-19 ini demi kesejahteraan rakyat," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1
Tanpa gejala

Kategori 2
Gejala ringan

Kategori 3
Jangkitan paru-paru

Kategori 4
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen

Kategori 5
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 22 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,555,093	1,278,670	1,026	14,168	19,807	30,840,093

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS / NATION

COVID-19 UPDATES

New Covid-19 cases drop below 20,000 for first time in 5 days

KUALA LUMPUR: Daily new Covid-19 cases in Malaysia dipped below the 20,000 mark for the first time in five days yesterday, with 19,807 new infections up to noon.

The latest cases took the total number of infections to 1,555,093 since the pandemic began.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said although Selangor remained the state with the most new cases at 5,379, figures in the Klang Valley saw a drop from 7,011 new infections on Saturday.

Behind Selangor is Sabah with 2,638 cases, follow by Kedah at 1,948 and Sarawak at 1,772.

Penang saw 1,501 new infections, Johor (1,391), Kelantan (1,196), Kuala Lumpur (999), Perak (703), Pahang (598), Melaka (558), Terengganu (534), Negri Sembilan (508), Perlis (54), Putrajaya (24) and Labuan (four).

Dr Noor Hisham said of the new cases, 82.6 per cent, or 16,368 people, involved those who had yet to receive their first or second Covid-19 vaccine dose.

"Of the 19,807 cases, 343 cases or 1.7 per cent are in Categories 3, 4 and 5, while 19,464 or 98.3 per cent are in Categories 1 and 2.

He said 43 out of yesterday's 232 deaths were brought in dead.

The Covid-19 death toll now stands at 14,168.

Of yesterday's deaths, 201 were Malaysians, and 31 were non-citizens, while 189 patients had a history of medical issues.

"Ninety-four deaths were reported in Selangor, 64 in Johor, 16 in Sabah, 15 in Kuala Lumpur, 11 in Kedah, nine in Kelantan, eight in Penang, five in Perak, three each in Melaka and Negri Sembilan, two in Terengganu and one each in Sarawak and Pahang.

"Up to noon, 18,200 Covid-19 patients were discharged from hospital, with cumulative recoveries now at 1,278,670, or 82.2 per cent of cases," said Dr Noor Hisham.

He said 1,026 patients were being treated in Intensive Care Units nationwide, with 496 of them requiring ventilator support.

He said the ministry identified 24 new clusters yesterday, two being repeat clusters.

He said 12 of the clusters were workplace related, 11 were community clusters and one was a high-risk group cluster.

Of the 12 clusters, four are in Johor (Jalan Istimewa Lapan, In-

dustri Jalan Haji Manan Kluang, Jalan SME Satu and Dermaga Halaman Timur), three are in Melaka (Jalan TDB Satu, Industri Lot Tujuh and Industri Jalan Elkay Utama) and one each in Kuala Lumpur (Jalan Jinjang Aman), Penang (Jalan Gelugor 2 construction site), Negri Sembilan (Dataran Satria Perwira), Perak (Perusahaan Tupai 15) and Kelantan (Industri Jalan Lundang).

He said the Jalan Gelugor 2 construction site cluster in Seberang Perai Utara was a repeat cluster.

"The index case, a 47-year-old Indonesian worker, tested positive following symptomatic screening on Aug 14.

"The case established symptoms on Aug 11."

Of the 11 community clusters, five are in Kelantan (Kampung Machang Gochoh, Kampung Durian Kudung, Kampung Padang Tengah, Kampung Pauh Teman-

gan and Perumahan Jalan Padang Tembak), four are in Sarawak (Semada, Sungai Penyarai 2, Kampung Matang Lot and Kampung Lintang Baru) and one each in Pahang (Kampung Sungai Kabuk) and Sabah (Kampung Penangah).

Dr Noor Hisham said in the Kampung Durian Kudung cluster in Bachok, the index case involved a 71-year-old Malaysian man who tested positive on Aug 14.

"The Sungai Penyarai 2 cluster involving the Tatau and Bintulu districts is also a repeat cluster.

"It was detected through targeted screenings on residents in Sungai Penyarai, Ulu Kakus, Tatau."

The Jalan Besar Pulau Meranti high-risk group cluster was identified in Sepang district, Selangor. It involves staff members and residents of a care centre in Jalan Besar, Kampung Pulau Meranti, Puchong.

On the infectivity rate, Dr Noor Hisham said Perlis and Sarawak had the highest R-naught (R0) value at 1.31, with Malaysia's R0 now at 1.04.

"Sabah's infectivity rate is 1.22, Penang's is 1.16, Kelantan's is 1.11, Perak and Kedah are at 1.10, Melaka's is 1.08, Johor's is 1.06 and Pahang and Terengganu are at 1.05.

"Selangor's R0 is 0.97, Kuala Lumpur's is 0.92, Negri Sembilan's is 0.89 and Putrajaya's is 0.81. They are all lower than the national R0."



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NATION/NEWS

Walk-in still allowed for M'sians

CITF: It can be done at 13 vaccination centres in the Klang Valley

By MARTIN CARVALHO
 mart3@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians can still walk in for their jabs at 13 vaccination centres (PPV) in the Klang Valley from today, says the Covid-19 Immunisation Task Force (CITF).

However, foreigners will now have to make an appointment. "The CITF found that the number of walk-in among Malaysians has been decreasing daily since the programme began on Aug 2. As such, walk-in for Malaysians in the Klang Valley will now continue at 13 PPV," it said in a statement yesterday.

It also announced that walk-in for foreigners at the Bukit Jalil National Stadium PPV would cease today, adding that those who wanted to get vaccination would first need to make an appointment.

"This is so that the vaccination process of foreigners, which has seen good response, is carried out in a safer and more comfortable manner," said CITF amid reports and complaints of overcrowding at the Bukit Jalil PPV.

According to CITF, Malaysians who walk in as well as foreigners who turn up for their appointment will have to prove that they reside in Selangor by providing documents such as utility bills.

On walk-in for Malaysians, those who missed their appointment for second dose can go to any of the PPV listed to complete their vaccination.

"Those seeking their second dose will be referred to another PPV if that particular PPV is not offering the same vaccine as that



Excess capacity: A small crowd seen on the last day at the MIECC PPV in Seri Kembangan. — AZHAR MAHFUF/The Star

of their first dose," it said, adding that the walk-in arrangement would be based on a first-come, first-served basis, including the availability of vaccines at the respective centres.

Those unable to get their vaccination due to a lack of vaccine supply will be placed on a list and requested to return on another day.

"Walk-in for Malaysians in other states will continue but this will be left to the respective states to decide," said CITF.

Registration of foreigners for vaccine appointments can be done via MySejahtera app or by calling 1800-

888-828 or going online at www.vaksinovid.gov.my.

It was reported yesterday that a number of PPV in the Klang Valley would gradually close starting today as a large proportion of the residents had been fully vaccinated following the launch of *Operation Surge Capacity*.

In another statement, CITF denied allegations by certain quarters that it would end vaccination appointments at 741 private clinics, several private hospitals and ambulatory care centres in Selangor.

"On the contrary, the future involvement of general practition-

Walk-in for locals

- **Today**
 - > KL Convention Centre (KLCC)
 - > Axiata Arena Bukit Jalil
 - > Ideal Convention Centre (IDCC)
 - > Bangi Avenue Convention Centre (BACC)
 - > Hotel Wyndham Acmar Klang
 - > Dewan Sivik MBPJ
 - > Stadium Tertutup Kuala Selangor
 - > Dewan Seri Bernam
- **Aug 25 (Wednesday)**
 - > Le Pavilion Gamuda Garden, Gombak
 - > Bukit Beruntung Golf Resort
- **Aug 26 (Thursday)**
 - > Galaxy Mall Ampang
 - > Universiti Multimedia, Cyberjaya

Walk-in at the Bukit Jalil PPV ends today for foreigners who must now register for vaccination appointments.

TheStar graphics

ers (GPs) will be considered to ensure the continuity of the immunisation programme as there will no longer by any more operating PPV at that time," it said.

The government, it added, still had to decide on the need for a third booster shot as well as vaccination for those between 12 and 17.

As of yesterday, 12 PPV had closed in the Klang Valley while another 21 will be closed between today and Aug 29. Seven of these are public PPV.

On Saturday, Malaysian Medical Association president Datuk Dr Subramaniam Muniandy expressed dismay that GPs under the programme were issued with only two days' notice by CITF to cease vaccination.

Dr Subramaniam also urged the government to include some 8,000

private GPs nationwide under the programme to ensure herd immunity for the nation was met.

Also questioning the move was Klang MP Charles Santiago.

Meanwhile, overcrowding at the Bangi Evo Mall vaccination centre yesterday was due to a surge in the number of walk-in recipients, said the police.

Kajang OCPD Asst Comm Mohd Zaid Hassan said at about 9am, approximately 3,000 people turned up to get vaccinated at the PPV in Bandar Baru Bangi.

"The situation became hectic. Around noon, the area returned to normal with assistance from the Bandar Baru Bangi police station.

"This PPV has been in operation for a while, with no issues of overcrowding before this," he said when contacted.

New daily Covid-19 cases take a slight dip

KUALA LUMPUR: The number of daily new Covid-19 infections took a dip, with 19,807 cases reported yesterday compared to 22,262 on Saturday.

In a series of tweets, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said with the latest figure, the country's cumulative Covid-19 cases now stood at 1,555,093.

Selangor remained the state with the highest number of new cases, recording 5,379 infections.

Sabah recorded 2,638 cases, followed by Kedah (1,948), Sarawak (1,772), Penang (1,501), Johor (1,391) and Kelantan (1,196).

Meanwhile, 999 new cases were reported in Kuala Lumpur, followed by Perak (703), Pahang (598), Melaka (558), Terengganu (534), Negri Sembilan (508), Perlis (54), Putrajaya (24) and Labuan (four).

In the same 24-hour period, there were 232 fatalities, bringing the death toll to 14,168.

There were also 18,200 recoveries, which means 1,278,670 have recovered from the disease nationwide.

There are still 1,026 patients under intensive care, with 496 requiring ventilator support.

Meanwhile, an Orang Asli activist in Ipoh said the handling of the

New cases by category for Aug 22

TOTAL CASES 19,807

Category 1	9,840 cases
Asymptomatic (no symptoms)	49.7%
Category 2	9,624 cases
Mild symptoms	48.6%
Category 3	171 cases
Pneumonia (inflammation of the lungs)	0.9%
Category 4	68 cases
Pneumonia and require oxygen	0.3%
Category 5	104 cases
Pneumonia and need ventilator support	0.5%

Source: Health Ministry

TheStar graphics

enhanced movement control order in Orang Asli villages in Batang Padang needed to be reviewed for further improvement.

Orang Asli Development Cooperative founder Ramesh Arumugam Chettiar cited the challenges faced by those who were told to self-quarantine at home.

"While most of us have the luxury of having separate rooms in our homes, the Orang Asli don't."

"Some of them have between 10 and 15 people living under the same roof, which poses a risk to others," he said.

Ramesh said those who tested positive for Covid-19 were brought

to a quarantine centre in Sungkai.

"Some who may have been in contact were told to self-quarantine at home.

"There should have been a special quarantine centre for them to prevent Covid-19 from spreading," he said when contacted.

A total of 23 Orang Asli villages in Batang Padang had been placed under the enhanced MCO from Aug 11 to 24.

Ramesh said the Orang Asli Development Department (Jakoa) should take the lead to coordinate aid for the community.

Jakoa, he said, knew the situation better and other relevant agencies should sit down with it to find out about the needs.

"A collection centre could be set up in Kuala Lumpur to gather whatever people want to donate and have these sent to the Jakoa's offices to be distributed to the Orang Asli," he added.

While food aid has been sent to the affected villages, there are still other items the community requires such as face masks, toothpaste and milk powder.

Ramesh hoped NGOs, corporations, individuals and politicians would come together to help the community.

13 million to be fully vaccinated

KUALA LUMPUR: More than 13 million residents would have been fully vaccinated by today based on the vaccination data report by the Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee (JKJAV).

As of Saturday, 54.3% of the country's adult population, or 12,718,701 individuals, had completed both doses of the Covid-19 vaccination, said JKJAV on Twitter.

It said 77.4% or 18,121,392 individuals had received the first dose, taking the cumulative total of vaccines administered through the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK) to 30,840,093 doses.

On daily vaccination, a total of 469,690 doses were administered on Saturday, with 159,792 being the first dose and 309,898 the second dose.

PICK was launched on Feb 24. — Bernama